

Harmoni kaum proses dua hala

Ervina Mohd Jamil

Berita Harian, 12 September 2013

KEHARMONIAN kaum di Singapura ialah satu proses dua hala yang berkehendakan semua kaum berusaha memahami satu sama lain, bukan setakat mahu difahami.

Jika satu pihak sahaja yang berusaha, ia bagai bertepuk sebelah tangan, iaitu cinta yang tidak berbalas, ujar mantan Anggota Parlimen Dilantik (NMP), Encik Zulkifli Baharudin.

Kedua-dua pihak harus memainkan peranan saling memahami antara satu sama lain, tambah beliau.

Ini lebih-lebih lagi dalam konteks kehidupan Singapura yang lebih maju.

Dalam pada itu, kaum lain juga mungkin kurang memahami akan amalan dan ajaran masyarakat Islam di sini.

Oleh itu, masyarakat Melayu/Islam tidak harus menganggap tindakan kaum lain itu sebagai diskriminasi, kata Encik Zulkifli.

"Sedang kita meminta orang lain menghormati kita dan terima bahawa kita perlukan ruang untuk mengerjakan ibadah dan sebagainya, kita juga perlu faham keperluan kaum lain dan berusaha membantu mereka faham keperluan kita," tambah Encik Zulkifli.

Beliau berkata demikian semasa menjawab pertanyaan mengenai masyarakat Melayu/Islam sebagai salah seorang panelis di forum mengenai hasil kajian Penunjuk Keharmonian Kaum dan Agama yang dibentangkan Julai lalu.

Panelis lain di forum itu termasuk zamil penyelidik Institut Pengajian Dasar (IPS), Dr Matthew Matthews; Provos Masya (Kehidupan Pelajar) Universiti Teknologi Nanyang, Profesor Madya Kwok Kian-Woon; NMP, Profesor Madya Eugene Tan; mantan NMP, Encik Viswa Sadasivan, dengan Naib Pengerusi OnePeople.sg, Encik Gerald Singham, sebagai moderator.

Menurut Profesor Madya Kwok, masyarakat perlu memberi ruang kepada orang lain untuk membuat dan belajar daripada kesilapan, dalam interaksi mereka dan proses belajar budaya antara satu sama lain.

Ketika diminta mengulas, Encik Sadasivan menyarankan agar tinjauan yang dijalankan pada masa akan datang tidak sahaja menyentuh tentang bangsa dan agama, tetapi juga tentang status sosio-ekonomi, kewarganegaraan dan sebagainya.

Kajian itu mendedahkan, antara lain, bahawa lebih 90 peratus warga Singapura selesa dengan kawan kerja, pekerja dan jiran bangsa lain mereka.

Antara 83.1 dengan 93.8 peratus warga Singapura pula selesa dengan bos daripada bangsa lain. Namun, peratusan yang selesa dengan warga baru sebagai teman kerja, bos, pekerja atau jiran lebih rendah, antara 73.7 dengan 87.6 peratus.

Forum di The Grassroots Club di Ang Mo Kio itu disertai sekitar 200 orang yang termasuk daripada badan bukan pemerintah (NGO), institusi pengajian tinggi, kementerian dan badan berkanun.

Antara perkara yang disuarakan peserta ialah sifat perkauman warga Singapura terhadap warga asing di sini dan peri perlu usaha bersama kaum minoriti dan majoriti bagi memahami satu sama lain demi mewujudkan keharmonian.

Pengerusi OnePeople.sg, Encik Zainudin Nordin, menyifatkan perbincangan di forum itu sebagai bernas.

"Isu yang dibentangkan menunjukkan ada perkembangan positif di Singapura, tetapi dengan perubahan landskap sosioekonomi di negara ini, kita tidak harus berasa bahawa kita sudah tiba di penghujung jalan.

"Masih banyak yang boleh dilakukan dan usaha ini harus dilakar bersama bagi kebaikan kita," kata beliau.

"Isu yang dibentangkan menunjukkan ada perkembangan positif di Singapura, tetapi dengan perubahan landskap sosioekonomi di negara ini, kita tidak harus berasa kita sudah tiba di penghujung jalan. Masih banyak yang boleh dilakukan dan usaha ini harus dilakar bersama bagi kebaikan kita."

- Encik Zainudin Nordin, Pengerusi OnePeople.sg.

Dr Mathew Mathews is a Research Fellow at the Institute of Policy Studies